



Skim Perubatan Madani diperluas ke seluruh negara

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - September 19, 2023 @ 1:57pm
yusri.muzamir@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Skim Perubatan Madani yang diperkenal bagi mengatasi kesesakan pesakit di fasiliti kesihatan kerajaan, diperluas ke seluruh negara mulai Jumaat lalu.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata ia susulan sambutan sangat menggalakkan sejak diperkenalkan dengan lebih 130,000 rawatan kesihatan pesakit luar bagi kes akut menerusi klinik swasta.

Katanya, bilangan rawatan direkodkan hampir mencecah 4,000 kes sehari, selain seramai 80,000 isi rumah sudah memanfaatkan skim itu.

"Kini lebih 1,300 klinik swasta mendaftar dan bekerjasama dalam program ini sebagai panel memberikan perkhidmatan kesihatan.

"Kementerian Kesihatan (KKM) juga mengalu-alukan lebih banyak klinik perubatan swasta di seluruh negara mendaftar sebagai klinik panel Skim Perubatan Madani ini.

"Saya juga berharap Yang Berhormat sekalian dapat membantu mempromosi skim ini di kawasan masing-masing, bagi memastikan lebih ramai rakyat menikmati kemudahan kesihatan ini," katanya ketika menggulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Zaliha juga memberi jaminan tahap keselamatan data pesakit direkodkan menerusi pendigitalan rekod perubatan elektronik (EMR), selaras Dasar Keselamatan ICT (2019) dan memenuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Katanya, penguatkuasaan, kawalan dan langkah melindungi data serta kerahsiaan maklumat pesakit dikendalikan secara elektronik sudah ditetapkan dengan akses dihadkan kepada pihak berkelayakan mengikut Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit di fasiliti kementerian.

"Audit trail juga dijalankan bagi mengawal akses terhadap EMR secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap polisi ditetapkan, selain mengadakan sistem pengesahan dua faktor atau pengesahan berbilang aras untuk mencapai rekod perubatan.

"Selain itu, mengenkripsi data ketika pemindahan dan penyimpanan data secara elektronik serta pengurusan hak akses teratur yang hanya diberikan berdasarkan keperluan kerja," katanya.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah ahli fisioterapi, selaras saranan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), antaranya meningkatkan keluaran graduan Diploma Fisioterapi Institut Latihan kementerian (ILKKM).

"Nisbah ahli fisioterapi kementerian ketika ini adalah seorang bagi 17,878 penduduk, manakala di fasiliti swasta adalah seorang bagi 6,800 pesakit.

"Seramai 207 jurupulih perubatan (Fisioterapi) dilantik secara lantikan kontrak bagi kesinambungan penyampaian perkhidmatan di kementerian sehingga 31 Ogos lalu, selain memohon pertambahan perjawatan kepada agensi Pusat," katanya.

Mengenai aspek kesihatan mental, Dr Zaliha berkata, sebanyak empat institusi mental dan 61 hospital menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental, diketuai pakar perubatan psikiatri di seluruh negara.

Katanya, ia berfungsi memberi perkhidmatan tertiar, selain diintegrasikan dengan perkhidmatan kesihatan mental pada peringkat primer melalui perkhidmatan di 1,080 klinik kesihatan di seluruh negara.

"Institut kesihatan mental diumumkan merujuk kepada bangunan kekal yang akan menempatkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) yang kini beroperasi di Cyberjaya.

"Ia berfungsi sebagai agensi peneraju yang merancang, menyelaras, melaksana dan memantau perkhidmatan serta program kesihatan mental dalam pelbagai aspek membabitkan sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.